

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN KONVENSYEN GERAKAN DESA WAWASAN
PERINGKAT KEBANGSAAN BIL. 3/2002
DI HOTEL RESIDENCE, BANGI
6 MEI 2002

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Kementerian Pembangunan Luar Bandar menjemput saya untuk memberikan ucapan dan seterusnya merasmikan acara Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Peringkat Kebangsaan Bilangan 3/2002 ini. Konvensyen seumpama ini sangat penting diadakan terutamanya dalam usaha Kerajaan membangunkan luar bandar dan menyediakan kemudahan secukupnya untuk kesejahteraan rakyat.

2. Bagi meneruskan ucapan saya ini sukalah saya membawa tuan-tuan dan puan-puan untuk melihat sepintas lalu corak taburan penduduk negara kita. Mengikut Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia Tahun 2000, jumlah penduduk Malaysia ialah 23.27 juta orang, terdiri 11.85 juta lelaki dan 11.42 juta perempuan. Daripada jumlah 23.27 juta penduduk ini, 14.42 juta orang atau 62% bermastautin di bandar, manakala 8.85 juta orang atau 38% di luar bandar. Penduduk luar bandar mewakili seramai 8.28 juta orang atau 35.6% daripada jumlah penduduk negara. Daripada jumlah ini, 65% adalah orang Melayu iaitu seramai 5.34 juta orang, berbanding dengan penduduk China dan India di luar bandar hanya 1.14 juta orang atau 13.8%. Ini membuktikan bahawa peratus penduduk Bumiputera dan Melayu di luar bandar adalah lebih banyak daripada di bandar yang hanya dalam kadar 50% dan 46%. Taburan ini memberi gambaran orang Melayu dari segi demografi atau kependudukan dalam sosio-ekonomi dan eko- sistem kampung merupakan sebahagian besar terlibat dalam aktiviti berasaskan pertanian dan sumber asli.

3. Program Gerakan Desa Wawasan sebagaimana kita semua maklum merupakan satu langkah "social engineering" bagi menentukan arah dan tujuan strategi baru pembangunan luar bandar pada masa hadapan selaras dengan wawasan negara. Kerajaan sememangnya berhasrat membawa dan menggerakkan sektor luar bandar seiring dengan kawasan bandar untuk sama- sama membina wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju. Komitmen Kerajaan adalah jelas dalam memastikan pembangunan yang seimbang di mana sektor luar bandar tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

4. Dengan mengambil kira berbagai sudut, kita di Malaysia, tidak sahaja merancang. Kita melaksanakannya. Isu luar bandar dan kemiskinan ditangani dengan pendekatan secara terancang. Setelah kita berjaya menyediakan, membangunkan dan memodenkan kemudahan asas dan infrastruktur negara kita sejak mencapai kemerdekaan, maka tibalah masanya untuk kita maju selangkah ke hadapan dengan menumpukan kepada pembangunan sumber manusia dan pembangunan minda selaras dengan Falsafah dan Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar yang sedang dipelopori oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kawasan luar bandar akan terus memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kawasan bandar untuk bergiat cergas dalam berbagai lapangan sosial dan ekonomi yang produktif. Kerajaan bukan sahaja merangka rancangan untuk lima tahun dan rancangan tahunan, tetapi juga merangka setiap projek atau program pembangunan. Rancangan pembangunan kerajaan dirangka sedemikian rupa untuk mendatangkan manfaat. Rancangan ini diterjemahkan dalam bentuk program dan

projek yang sama-sama dapat dilihat dan dinikmati oleh rakyat.

5. Kerajaan bukan sahaja mempunyai Rancangan Lima Tahun tetapi juga Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang dapat membantu kita menumpukan usaha dalam mencapai matlamat negara. RRJP Pertama yang telah dilaksanakan dalam tempoh 1971 hingga 1990 bertujuan mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi sebagaimana yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di bawah RRJP tersebut, pembangunan luar bandar diperkukuhkan dengan pewujudan beberapa agensi baru, pemelesaian langkah-langkah pembasmian kemiskinan termasuk pembangunan tanah baru serta pemberian bantuan pelbagai perkhidmatan.

6. RRJP Kedua yang dirancang bagi tempoh 1991 hingga 2000 memberi penekanan yang lebih bagi mencapai matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Dasar ini merupakan satu pengubahsuaian kepada DEB dengan menggunakan pendekatan yang berbeza. RRJP Kedua memberi fokus kepada memperkukuhkan landasan dan mengkaji semula peranan agensi-agensi pembangunan luar bandar, menggalakkan aktiviti pembangunan pertanian secara komersial mengikut pacuan pasaran dan memberi tumpuan yang lebih untuk mengatasi kemiskinan golongan termiskin. Banyak yang telah dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan yang mengubah corak masyarakat kampung dan ini membuktikan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah tepat.

7. Ketika Kerajaan melancarkan DPN, Kerajaan telah pun menentukan objektif pembangunan bagi jangka waktu yang lebih panjang selari dengan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dalam konteks pembangunan luar bandar ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat, usaha-usaha pembangunan diteruskan bagi membangunkan individu, keluarga dan masyarakat melalui penempatan yang tersusun dan penyediaan prasarana berkualiti.

8. Pembangunan sosio-ekonomi yang pesat di bandar telah menggalakkan orang Melayu yang berumur di antara 15 hingga 45 tahun berhijrah dari luar bandar ke bandar. Golongan ini yang paling besar di bandar adalah berasal dari golongan petani yang miskin. Mereka berhijrah meninggalkan kampung halaman ke bandar untuk mencari peluang-peluang hidup yang lebih baik dan berusaha mempertingkatkan kedudukan ekonomi keluarga mereka. Dengan mendapat pekerjaan dan pendapatan yang lebih daripada pendapatan semasa di kampung dahulu, mereka merasa bahawa bandar dapat memberi peluang hidup yang lebih baik. Walaupun demikian, jika dibandingkan dengan pencapaian dan kemajuan golongan lain, kedudukan mereka berada di peringkat bawah sama seperti kedudukan mereka sebelum berhijrah. Penghijrahan yang berterusan dan semakin bertambah, menjadikan kawasan luar bandar menjadi semakin lengang, kampung serta tanah menjadi terbiar dipenuhi semak dan bandar pula menjadi semakin sesak.

9. Kita sedia maklum, pada suatu ketika kepesatan pembangunan mengakibatkan Malaysia menghadapi kekurangan tenaga buruh. Menyedari keadaan itu Kerajaan telah mengubah asas-asas ekonomi dengan melakukan beberapa perubahan. Pada masa itu, Kerajaan telah menjadikan faktor tersebut sebagai asas kepada industri berintensif modal dan teknologi yang memerlukan bilangan pekerja yang sedikit sahaja.

10. Dalam usaha berterusan Kerajaan untuk memberi keselesaan kehidupan kepada rakyat, beberapa langkah strategik akan dijalankan secara berterusan sebagai persiapan bagi memastikan luar bandar dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ada. Melalui Gerak Desa Wawasan, saya berharap masyarakat luar bandar berani tampil menentang cabaran membantu Kerajaan mencapai matlamat negara.

11. Pada hari ini kita boleh melihat banyak contoh negara yang telah merdeka tetapi ada di antara negara-negara ini yang dihimpit dan dicengkam kemiskinan serta menghadapi bermacam masalah lagi. Hal sebegini amatlah menyedihkan, apabila kemerdekaan tidak memberi jaminan apa-apa kepada rakyatnya. Kita sebagai bangsa yang bermaruah, tentu tidak rela melihat perkara sedemikian menimpa negara kita. Namun kita bersyukur, Malaysia telah berjaya menjadi negara contoh kepada negara-negara lain di dunia. Dengan kelebihan ini, sepatutnya kita juga dapat menunjuk contoh dalam berjaya membangunkan kawasan-kawasan luar bandar. Pengukuran kejayaan ini tidak boleh dilihat dalam satu aspek yang sempit tetapi hendaklah dinilai secara menyeluruh. Sebab itu pentingnya pembangunan yang seimbang agar kemajuan luar bandar, jika pun tidak dapat menyamai apa yang ada di bandar, tetapi sekurang-kurangnya tidak terlalu ketinggalan seperti sekarang. Bagi mereka yang telah berjaya mencipta nama dan menempa kejayaan, pulanglah ke kampung melihat- lihat apa yang boleh dibangunkan.

12. Kita perlu melihat potensi yang ada di luar bandar yang boleh di ketengah dan dimajukan kerana ini boleh memberi pulangan ekonomi kepada masyarakat luar bandar. Saya melihat aktiviti pelancongan desa misalnya mempunyai potensi yang besar untuk diusahakan. Ini adalah sebagai satu contoh daripada banyak peluang yang boleh difikirkan. Saya rasa masanya telah tiba bagi warga luar bandar bangun membuat perubahan nasib diri dengan mempelajari dan menghayati nilai- nilai dan sikap yang dapat menghadapi cabaran masa kini. Bukanlah sesuatu yang mustahil, jika luar bandar menyediakan peluang-peluang yang boleh diterokai, boleh menarik mereka yang di bandar berhijrah semula ke luar bandar. Kita dapat lihat pembangunan tanah dengan secara komersial dan pertanian berkelompok telah dimajukan dengan jayanya. Contohnya kemajuan yang telah dikecapi FELDA. Setelah hampir setengah abad kewujudan FELDA dan peneroka, mereka kini bukan lagi sebagai peneroka. Masuk sahaja ke tanah- tanah rancangan kita boleh melihat perkampungan mereka sudah menjadi kampung tradisional yang elok tersusun tidak seperti mana ketika mereka mula-mula meneroka tanah dahulu. FELDA mesti membuka langkah seterusnya untuk maju ke satu tahap lagi.

13. Hasrat Kerajaan bukan sahaja mahu memberi perhatian kepada pembangunan-pembangunan dijalankan di kawasan-kawasan bandar, tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar yang masih boleh dimodenkan dalam erti kata mewujudkan sumber- sumber kekayaan baru, pendapatan yang lebih baik, taraf hidup yang lebih bermutu serta merebut peluang-peluang untuk maju. Ini yang kita mahu. Masyarakat luar bandar perlu mengurus ekonomi dan cara hidup dengan lebih moden dan membuat perubahan-perubahan dalam cara kita bekerja dan mencari sumber pendapatan.

14. Sektor pertanian masih berpotensi untuk dimajukan secara besar-besaran. Sektor pertanian tidak boleh dianggap sebagai hanya sektor komoditi seperti getah atau kelapa sawit. Pertanian mampu jangkau lebih jauh. Hari ini sudah ada tanda-tanda dan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa banyak produk-produk pertanian yang dihasilkan yang boleh diekspor. Kita boleh berbangga dengan pencapaian institut- institut penyelidikan seperti MARDI umpamanya yang berusaha mengambil

kesempatan kekayaan "biodiversity", perkembangan bioteknologi untuk mewujudkan projek-projek baru yang menjadi sumber kekayaan baru. Penyelidikan mereka ini boleh membawa pembaharuan kepada aktiviti yang membawa kepada keadaan kehidupan yang lebih bermutu dengan peluang-peluang yang lebih banyak. Ternyata pembangunan sektor pertanian adalah berpotensi tinggi dan mampu berdaya saing. Usaha ini tentunya memerlukan lebih banyak penyelidikan dijalankan oleh pakar-pakar pertanian dalam menghasilkan penemuan- penemuan baru yang inovatif.

15. Saya terfikir, mungkinkah pada waktu ini generasi kedua (second generation) yang ada di FELDA akan menjadi peneroka pembangunan zaman moden di abad 21 ini. Peneroka pembangunan baru dalam abad 21 ini, pembangunan asas tani menggunakan sumber-sumber kekayaan biodiversiti dan bioteknologi. Di samping itu turut juga menggunakan kaedah- kaedah lain seperti mewujudkan perladangan, menanam pelbagai jenis tanaman herba yang boleh meningkatkan pulangan pendapatan memandangkan negara kita ini kaya dengan sumber alam, ada rancangan pembangunan pertanian. Adalah menjadi harapan saya supaya sektor pertanian dengan "the new agriculture policy" dapat memberi "new dynamism" bagi membawa pembangunan yang lebih dinamik.

16. Kita tidak perlu menunggu lebih lama untuk bertindak. Sekarang adalah masa untuk bertindak memajukan luar bandar agar tidak terus tersisih dalam arus menuju negara maju menjelang 2020. Selagi perancangan, demi perancangan dibuat, sedangkan tiada strategi berkesan untuk melaksanakan pembangunan ekonomi pertanian luar bandar, selagi itulah luar bandar susah untuk maju. Kita memerlukan mereka yang benar-benar ikhlas dan komited dalam memajukan sektor luar bandar. Mesti ada semangat, pentingkan kesegeraan (urgency), berkeupayaan menilai masalah dan menyediakan pendekatan penyelesaian masalah di samping perlu adanya penyelarasan kerana negara tetap memerlukan pertanian. Dari itu gerakkanlah segala usaha kita kearah itu. Jadikanlah sektor ini sebagai industri pertanian yang dapat menjamin meningkatkan pendapatan lumayan. Jika kita berupaya menaikkan lagi industri ini, ianya adalah satu lagi kejayaan yang boleh dibanggakan.

17. Dalam era revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) peranan maklumat adalah penting dalam menentukan keupayaan bersaing secara global. Penguasaan maklumat dilihat sebagai komponen penting dalam pembangunan ekonomi. Kerajaan akan memastikan masyarakat luar bandar tidak dipinggirkan bagi mengurangkan jurang penguasaan ICT. Usaha ke arah itu akan dilakukan dengan sebaik mungkin bagi mewujudkan masyarakat berilmu serta sejajar dengan hasrat menjadikan pembelajaran seumur hidup bagi rakyat negara ini. Rakyat perlu merebut peluang daripada kemajuan ICT untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Hari ini kita telah mula diperkenalkan dengan perkembangan yang disebut K- Ekonomi (Knowledge Economy) dan K-Society (Knowledge Society) iaitu yang merujuk kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat yang berasaskan kepada ilmu pengetahuan, daya fikir dan daya intelek. Kecanggihan industri elektronik dan komunikasi hari ini memperluaskan lagi penyebaran maklumat di seluruh dunia. Negara yang berkebolehan menguasai ilmu pengetahuan mempunyai kelebihan dan akan berada di hadapan negara-negara yang lain. Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memperluaskan pusat-pusat IT di luar bandar supaya konsep K-ekonomi dan K-Society atau masyarakat berpengetahuan ini dapat dizahirkan.

18. Kita melihat banyak perkembangan berlaku di peringkat antarabangsa samaada di negara maju mahupun di negara sedang membangun. Sama seperti Malaysia, negara-negara seperti Amerika Syarikat, Sri Lanka, India dan Filipina juga mempunyai gerakan pengupayaan (empowerment) masyarakat luar bandarnya masing-masing. Ciri-ciri yang baik daripada gerakan pengupayaan negara-negara tersebut wajar diterapkan untuk memperkukuhkan lagi konsep dan falsafah GDW. Di antara ciri-ciri itu ialah:

Menggunakan konsep zoning dalam menggerakkan GDW yang menumpu kepada beberapa kampung tertentu dan bergerak daripada satu zon kepada satu zon; Dari sudut ekonomi, gerakan pengupayaan sepatutnya memastikan secara sedar bahawa lebih banyak golongan/anggota masyarakat yang mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi negara yang akhirnya akan memperkukuhkan lagi sebuah negara bangsa (the nation). Oleh itu mereka perlu dilibatkan sama dalam proses pembangunan negara;

Warga luar bandar perlu diberi peluang dan harapan untuk membangunkan ekonomi mereka sendiri yang dimulai dengan kemahiran merancang secara strategik bagi kehidupan mereka;

Perlu diterapkan konsep "think globally act locally" atau berfikir secara global tetapi bertindak secara lokal atau tempatan dengan kesedaran bahawa apa-apa faktor dan gambaran yang berlaku di peringkat tempatan adalah dipengaruhi oleh peringkat wilayah/negeri, negara dan global;

Di peringkat tempatan, struktur kuasa (power) perlulah difahami dan diambilkira serta ditangani dalam menjayakan sesuatu gerakan pengupayaan dan GDW;

Kalangan wanita luar bandar juga perlu diberi peluang memegang kuasa dalam penajaan gerakan pengupayaan dan GDW; Keberhasilan sesuatu program dalam pengurusan gerakan pengupayaan dan GDW (result-based management) lebih dipentingkan;

Pelan tindakan pengupayaan masyarakat luar bandar perlu disediakan dengan meliputi pelbagai aspek termasuklah: Sosial; Ekonomi; Teknologi; Kerohanian; Akhlak/Moral; Kebudayaan; Politik; dan Antarabangsa;

Belia di luar bandar dianggap sebagai alat berpotensi melakukan perubahan social; dan

Proses pembangunan semula luar bandar melibatkan pengupayaan bermula daripada kampung-kampung adalah merupakan pembangunan bercorak dari bawah ke atas (bottom-up planning).

Oleh itu, institusi pelaksana GDW perlu sentiasa memantau dan memastikan matlamat jangka panjang ini berada dalam keadaan positif dan dicapai sepenuhnya menjelang 2020 dalam usaha mencapai kemajuan luar bandar.

19. Dengan terbukanya peluang pendedahan kepada kampung- kampung Gerakan Desa Wawasan yang berjaya, program Ilham Desa dan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan, para peserta dan pelawat terdiri kepimpinan kampung GDW dan bukan GDW sudah mendapat ilham yang konkrit untuk membangunkan kampung masing-masing, yang membayangkan adanya semangat daya saing, daya juang dan daya

tahan di kalangan mereka. Ada ketikanya perlu juga diubahsuai semangat daya saing ini kepada daya pakat di mana sesuai yang lebih mesra dengan budaya masyarakat kita. Selain itu, sebagai impak kepada program kursus yang dijalankan, JKKK / JKRR telah mengemukakan beberapa cadangan kursus baru yang bersesuaian dengan pilihan mereka. Syabas diucapkan.

20. Konvensyen Gerakan Desa Wawasan perlulah mencari formula baru yang boleh merangsang dan menjana pembangunan ekonomi luar bandar. Impian Kerajaan ialah untuk melihat industri pertanian menjadi industri yang benar-benar berjaya yang boleh mengubah corak penghidupan yang lebih baik yang dapat melahirkan ramai "petani moden". Kerajaan akan sentiasa memberi sokongan yang diperlukan dan lakukan yang terbaik demi maruah dan masa depan warga desa dalam merealisasikan Desa Wawasan yang di cita-citakan.

21. Dengan kata-kata itu, saya sukacita merasmikan Konvensyen Gerakan Desa Wawasan Peringkat Kebangsaan Bilangan 3 Tahun 2002.

Terima kasih.